

KERATAN AKHBAR

NAMA AKHBAR: BERITA HARIAN (SENTRAL)

TARIKH: 17 OKTOBER 2019

MUKA SURAT: 72

49 kes kematian akibat denggi di Selangor

Shah Alam: Sebanyak 49 kes kematian akibat denggi dilaporkan di Selangor sepanjang tahun ini, peningkatan 77 peratus berbanding tempoh sama tahun lalu.

Pengerusi Jawatankuasa Tetap Kesihatan Selangor, Dr Siti Mariah Mahmud, berkata dalam tempoh sama juga, pihaknya turut menerima sebanyak 57,931 laporan kes denggi.

"Bacaan sehingga minggu ke-41 tahun ini, iaitu Sabtu lalu, kumulatif kes denggi di Selangor mencecah 57,980 mewakili 55 peratus daripada keseluruhan kes di Malaysia.

"Antara daerah yang mencatatkan kumulatif kes denggi tertinggi ialah Petaling dengan 21,858 kes, Hulu Langat (12,245), Klang (10,698) dan Gombak (7,497)," ka-

tanya dalam satu sidang media di sini, semalam.

Dr Siti Mariah berkata, pihaknya juga turut mengenal pasti sebanyak 122 lokaliti titik panas wabak denggi membabitkan 39 kawasan di Petaling, Gombak (24), Hulu Langat (21) dan di Klang (14).

Beliau berkata, peningkatan kes denggi di Selangor tahun ini juga

disebabkan jumlah kepadatan penduduk.

Katanya, di negeri ini, dianggarkan jumlah penduduk melebihi 6.52 juta iaitu kira-kira 20 peratus penduduk di Malaysia.

"Peningkatan warga asing menetap di Selangor dengan keadaan kawasan kediaman yang tidak terurus juga turut menyumbang kepada peningkatan

kes," katanya.

Berikutan itu, Dr Siti Mariah menegaskan, kerajaan Selangor kini menggiatkan usaha membanteras lokasi pembiakan nyamuk Aedes, terutama di bangunan terbiar, pusat kitar semula haram, tapak binaan terbengkalai, kenderaan terbiar, kebun haram dan kawasan pembuangan sampah yang tidak terkawal.